

11/11/1997

Orang ramai perlu patuhi nasihat

Mior Kamarul Shahid

KEBELAKANGAN ini kita dengar ramai pemimpin memberi cadangan mengenai cara mengatasi kemelut ekonomi hari ini berikutan kesusutan nilai ringgit. Paling banyak cadangan ialah melarang rakyat membeli barangan import dan tidak menggalakkan mereka melancong ke luar negara. Setiap hari ada saja pemimpin yang menasihatkan rakyat supaya membeli barang tempatan atau menggunakan sepenuhnya sumber yang ada di negara ini. Sebenarnya ini adalah nasihat yang baik asalkan mereka sendiri menunjukkan contoh yang mulia. Tetapi, jika mereka hanya pandai bercakap tetapi masih mengagungkan barangan asing, rakyat sendiri akan mengecap mereka sebagai hipokrit. Rakyat akan menganggap mereka tidak ubah seperti 'ketam mengajar anaknya berjalan betul'. Kalau pemimpin yang bercakap itu tidak menunjukkan teladan yang baik, mereka sebenarnya berkempen pada sasaran yang salah. Kempen seperti itu, tidak akan memberi kesan.

Jika semua rakyat mematuhi nasihat seperti ini memanglah kita boleh mengawal pengaliran wang asing. Hari ini jika kita keluar negara terutama ke Eropah atau Amerika, wang kita jadi begitu kecil. Jika setakat RM1,000 dalam kocek, kita tidak boleh nak berbelanja mewah. Begitu juga jika kita membeli barangan import. Dari segi perbezaan nilai wang, harga belian sudah meningkat sekurang-kurangnya 30 peratus.

Soalnya, apakah kita benar-benar berdisiplin ketika berbelanja? Pada mulanya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat berdisiplin menghadapi krisis hari ini, kita menganggapnya sebagai satu kenyataan umum. Tetapi, bila kita kaji kenyataannya, memang betul rakyat negara ini tidak berdisiplin ketika berbelanja. Rakyat lebih mementingkan barangan luar negara kerana status dan lebih gemar melancong ke luar negara untuk melihat keindahan negara orang daripada menghargai keindahan negara sendiri. Jika membeli barangan, mereka sebenarnya membayar dengan harga yang mahal jenama barangan itu, bukannya mutu barangan. Jika mementingkan mutu, barangan keluaran negara kita apa kurangnya. Jika boleh, pada masa akan datang ini kita nak lihat perangkaan yang menunjukkan peningkatan mendadak setiap barangan keluaran tempatan di pasaran tempatan. Pada masa yang sama kita juga nak lihat penurunan kadar import barang keluaran luar negara melainkan ia memang diperlukan. Begitu juga, menjelang cuti sekolah ini, kita nak tengok bilangan pelancong ke luar negara berkurangan berbanding pelancong yang menggunakan tempat menarik di dalam negara sebagai destinasi percutian mereka. Syarikat dan agensi pelancongan tidak perlu bimbang mengenai penurunan bilangan pelancong ke luar negara kerana mereka boleh memperkenalkan pakej menarik untuk rakyat melancong di dalam negara. Syarikat dan agensi pelancongan perlu bertanya kepada diri sendiri, jika mereka tidak mempromosikan tempat menarik di negara ini, siapa lagi yang hendak diharapkan sedangkan ini adalah perniagaan mereka. Daripada mempromosikan negara orang, lebih baik mempromosikan negara sendiri.

Pasal minat melancong ke luar negara kita tidak begitu bimbang kerana mereka yang berbuat demikian mungkin kerana ada urusan atau golongan yang berwang. Tidak semua orang mampu ke luar negara. Bagi yang kurang mampu, walaupun ada cadangan melancong ke luar negara, akan menukar fikiran apabila menyedari perbelanjaan yang akan ditanggung kian mahal selepas mengambil kira pertukaran wang asing. Jika melancong di dalam negara, bukan saja masa boleh dijimatkan malah, wang kita juga dapat diniagakan secara lebih produktif.

Apa yang sukar dikikis ialah minat untuk membeli barangan atau jenama luar negara. Walaupun cukai dinaikkan, mereka tetap memilih barangan asing. Kita dapat tahu ada pejabat baru menggunakan sepenuhnya perabot import. Mereka terang-terangan dan bangga memberitahu semua perabot di pejabat mereka adalah diimport. Kita harap semua perabot itu ditempah dan urusan pembayaran dibuat sebelum mata wang kita jatuh. Tapi, jika mereka beli selepas nilai wang kita merudum, kita tidak segan menggelarkan mereka golongan yang tidak mendengar nasihat, degil dan mementingkan status daripada kepentingan nasional. Dalam masyarakat kita, memang ramai orang degil. Mereka akan memberi pelbagai alasan untuk membuktikan keputusan mereka adalah terbaik. Nasihat orang tidak pernah diberi perhatian.

Kita marah bukan kerana dengki terhadap kemampuan mereka. Apa yang kita bimbangkan, kesannya terpaksa ditanggung oleh pengguna. Yang pasti mereka membuat untung ketika ekonomi kita baik. Untung itu sebenarnya mereka perolehi daripada wang pengguna. Jika syarikat itu menjalankan perniagaan perkhidmatan, penggunalah yang menanggung hasil bayaran perkhidmatan. Sudah tentu, wang yang mereka belanjakan itu terpaksa ditampung semula daripada pengguna. Pengguna yang mendapatkan khidmat daripada syarikat itu mungkin terpaksa membayar lebih. Mereka boleh memberi seribu satu alasan untuk menaikkan bayaran perkhidmatan terutama mengambil kesempatan daripada keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan ini. Untuk mengelakkan pengguna menerima bebannya, syarikat perlu ubah cara mereka membelanjakan wang mereka.

(END)